UUM/AA88/BH/12.11.2026/P:R(1-3)

Ukur kejayaan pembangunan melalui kesejahteraan rakyat

- Penggunaan kaedah modular berpotensi meningkatkan kecekapan kos dan masa, sekali gus membuka ruang kepada penawaran rumah lebih mampu milik
- Teknologi, pelaburan dan bangunan moden menjadi instrumen untuk mencapai matlamat lebih besar, iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat



Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie, Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Abd Rahim Romle
bhrencana@bh.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) dan BuildXpo Malaysia 2026 di MITEC, Kuala Lumpur kelmarin menegaskan kemajuan negara tidak seharusnya diukur melalui kehebatan bangunan semata-mata.

Sebaliknya, pembangunan perlu memberikan manfaat nyata kepada rakyat melalui penyediaan rumah mampu milik, bandar berdaya huni, peluang pekerjaan berkualiti serta penguasaan teknologi oleh negara sendiri.

Acara ini memasuki edisi ke-28 bagi ICW, berlangsung selama tiga hari sehingga hari ini bertemakan *'Beyond Limits'* ini menghimpunkan lebih 110 pempamer dari hampir 10 negara dan wilayah.

Penyertaan ini mencerminkan peranan strategik industri pembinaan sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Jabatan Perangkaan merekodkan nilai kerja pembinaan sebanyak RM178.6 bilion pada 2025, meningkat 12.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Antara pengisian penting penganjuran program ini ialah pelancaran Pelan Hala Tuju Pembinaan Modular Malaysia 2026-2030.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, menyatakan sasaran penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS), pembinaan modular dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) sebanyak 20 hingga 30 peratus menjelang 2030.

Pendekatan ini membolehkan komponen bangunan dihasilkan dalam persekitaran terkawal sebelum dipasang di tapak pembinaan.

Kaedah ini berpotensi mempercepatkan pelaksanaan projek, meningkatkan ketepatan pembinaan, mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja serta mengurangkan pembaziran bahan.

Sementara itu, penguasaan teknologi bukan sekadar membabitkan penggunaan mesin dan peralatan moden. Ia perlu disertai pembangunan kepakaran jurutera tempatan, pemindahan ilmu, penghasilan bahan binaan, penyelenggaraan peralatan serta penguasaan perisian dan reka bentuk digital.

Keupayaan ini mampu meletakkan syarikat tempatan pada kedudukan lebih kompetitif, termasuk meneroka peluang pasaran antarabangsa.

Pada masa sama, pembangunan industri komponen tempatan berpotensi merancakkan aktiviti ekonomi melalui permintaan terhadap pengeluar keluli, konkrit, pendawaian dan pelbagai bahan binaan.

Kestabilan permintaan

Bagi merealisasikan potensi ini, kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan, pemaju, pengilang dan institusi kewangan penting untuk memastikan kestabilan permintaan, penyelarasan standard serta akses pembiayaan yang bersesuaian.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kerajaan menyasarkan pembinaan 500,000 rumah mampu milik menjelang 2030, sebagai sebahagian daripada aspirasi penyediaan sejuta rumah sepanjang 2026-2035.

Sasaran ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan memperluas akses perumahan kepada rakyat. Pelaksanaannya memerlukan penyelarasan strategik membabitkan dasar tanah, pembiayaan, proses kelulusan, bekalan bahan binaan serta penerapan teknologi pembinaan moden.

Penggunaan kaedah modular berpotensi meningkatkan kecekapan kos dan masa, sekali gus membuka ruang kepada penawaran rumah lebih mampu milik.

Bagaimanapun, aspek kemampuan pemilikan turut dipengaruhi faktor lain seperti harga tanah, lokasi pembangunan, kadar pembiayaan dan kos keseluruhan kepada pembeli.

Oleh itu, kejayaan agenda perumahan perlu dinilai bukan sahaja berdasarkan jumlah unit dibina, tetapi kemampuan rakyat untuk memiliki dan mendiami rumah berkenaan.

Keperluan perumahan juga berbeza mengikut negeri, kawasan bandar dan luar bandar. Perancangan pembangunan perlu mengambil kira tahap pendapatan isi rumah, peluang pekerjaan, kemudahan pengangkutan serta akses kepada perkhidmatan asas.

Pelaporan pencapaian secara berkala mengikut negeri, kategori rumah, julat harga dan status pemilikan boleh meningkatkan ketelusan serta keyakinan masyarakat terhadap pelaksanaan agenda perumahan negara.

Dalam aspek tadbir urus, penekanan Perdana Menteri terhadap persaingan tender dan ketelusan pengurusan adalah asas penting memperkukuh integriti industri pembinaan.

Amalan perolehan telus dan berdaya saing mampu mengoptimumkan penggunaan dana awam serta memastikan setiap projek memberikan nilai terbaik kepada negara.

Penerapan mekanisme pemantauan berkesan, termasuk pelaporan kos, kemajuan pembinaan, perubahan kontrak dan kualiti selepas penyerahan projek, wajar terus diperkasakan bagi menyokong budaya akauntabiliti.



Penekanan Anwar terhadap keperluan membangunkan bandar mencerminkan identiti tempatan turut membawa dimensi penting kepada perancangan bandar Malaysia.

Pengalaman bandar antarabangsa seperti London dan New York boleh dijadikan rujukan, namun pendekatan pembangunan perlu disesuaikan dengan iklim tropika, corak kehidupan masyarakat dan keperluan setempat.

Perkukuh ekosistem perusahaan tempatan

Reka bentuk bandar masa hadapan sewajarnya mengutamakan pengudaraan semula jadi, teduhan, sistem saliran, pengangkutan awam, ruang rekreasi serta identiti seni bina tempatan.

Pada masa sama, penekanan Anwar terhadap kepentingan kontraktor kecil dan sederhana amat relevan bagi memastikan transformasi industri berlangsung secara inklusif.

Golongan ini perlu terus diberikan akses kepada pembiayaan, latihan, pensijilan dan peluang menyertai rantaian bekalan pembinaan modular.

Penyertaan lebih meluas akan membantu memperkukuh ekosistem perusahaan tempatan serta memastikan manfaat pertumbuhan industri dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan pemain industri.

Nanta pula menekankan kepentingan melahirkan pemimpin industri generasi baharu. Sehubungan itu, universiti, politeknik dan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu terus memperkukuh kurikulum yang merangkumi reka bentuk digital, automasi, robotik dan teknologi pembuatan termaju.

Kehadiran delegasi ASEAN, Jepun dan Negara Teluk turut membuka peluang memperluas jaringan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan penerokaan pasaran eksport.

Penyertaan pelbagai firma mempamerkan aplikasi kecerdasan buatan (AI) memperlihatkan potensi teknologi digital dalam meningkatkan produktiviti, kecekapan operasi dan daya saing industri.

Akhirnya, mesej utama diketengahkan Anwar ialah pembangunan perlu meletakkan manusia sebagai ukuran kejayaan.

Teknologi, pelaburan dan bangunan moden menjadi instrumen untuk mencapai matlamat lebih besar, iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kejayaan industri pembinaan bukan sekadar terletak pada jumlah projek atau ketinggian bangunan dihasilkan, tetapi pada kemampuan menyediakan rumah mampu milik, membangunkan bandar selamat dan selesa, memperkukuh syarikat tempatan serta menyediakan peluang pekerjaan berkualiti.

Malaysia kini mempunyai peluang melangkah ke fasa baharu pembangunan industri pembinaan lebih produktif, inovatif dan mampan.

Cabaran seterusnya ialah memastikan setiap dasar, pelaburan dan kemajuan teknologi diterjemahkan kepada manfaat dapat dirasai rakyat.

Negara bukan sekadar perlu membina lebih banyak, tetapi membina dengan lebih bijaksana, berdaya saing dan berteraskan kepentingan masyarakat.